

Dr Wan Azizah terima Anugerah Tokoh Pendidikan College of Physicians Malaysia

BERITA HARIAN 15 JUN 2015

m/s: 8

Putrajaya: Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah menyampaikan Anugerah Tokoh Pendidikan College of Physicians Malaysia kepada isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Majlis penyampaian diadakan sempena majlis *Inaugural of Membership of the Royal College of Physicians (MRCP) and Parallel Pathway Conferment*, di sini semalam.

Anugerah berkenaan sebagai

pengiktirafan tertinggi yang diberikan oleh College of Physicians Malaysia bagi menghargai sumbangan cemerlang dalam bidang pendidikan, terutama dalam latihan perubatan melalui *parallel pathway*.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Mahathar Abd Wahab dan Presiden College of Physicians Malaysia, Datuk Seri Dr Paras Doshi. **BERNAMA**



Sultan Nazrin Shah berkenan menyampaikan Anugerah Tokoh Pendidikan College of Physicians Malaysia kepada Dr Wan Azizah di Putrajaya, semalam. (Foto BERNAMA)